

TARIKH	8 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	OPERASI LYNAS DI MALAYSIA PERLU DINILAI SEMULA		
M/S	14 (RENCANA)	KATA KUNCI	LYNAS, MALAYSIA, RARE EARTH
BIDANG	LYNAS		

14 Utusan Malaysia
ISNIN • 8 SEPTEMBER 2025

Rencana



Operasi Lynas di Malaysia perlu dinilai semula



REALITINYA, operasi pemprosesan nadir bumi mengundang beban radioaktif, risiko kesihatan awam dan pencemaran alam sekitar yang terus menghantui rakyat Malaysia sehingga hari ini.

“**Malaysia berisiko dilihat sebagai ‘tapak pembuangan dunia’ kerana membiarkan sisa radioaktif ini tersimpan begitu sahaja.**”

walaupun beroperasi bertahun-tahun lamanya. Mereka menegaskan Malaysia berisiko dilihat sebagai ‘tapak pembuangan dunia’ kerana membiarkan sisa radioaktif ini tersimpan begitu sahaja.

Walaupun terdapat bantahan, pada 13 Februari 2023, lesen Lynas diperbaharui untuk tempoh tiga tahun sehingga 2026. Walaupun syarat dipertahankan agar aktiviti C&L dipindahkan ke Australia, Lynas masih diberi ruang operasi penuh.

Sejak itu, Lynas terus memperluas operasinya. Pada tahun ini, syarikat ini mengumumkan kejayaan menghasilkan unsur nadir

bumi berat seperti *disprosium* dan *terbium* di Gebeng. Kedua-dua unsur ini penting dalam pembuatan magnet berprestasi tinggi untuk kenderaan elektrik dan peranti elektronik.

Pada masa yang sama, Lynas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan rantaian bekalan nadir bumi tempatan serta bekerjasama dengan syarikat Korea Selatan, JS Link, untuk membina kilang magnet nadir bumi di Kuantan.

Operasi Lynas membawa pelbagai kesan buruk kepada alam sekitar dan kesihatan awam. Sisa radioaktif WLP yang mengandungi *thorium* dan uranium bersifat karsinogenik dengan separuh hayat berjuta-juta tahun. Kesan radiasinya tidak hilang dalam jangka pendek, malah kekal berabad lamanya, sekali gus membahayakan generasi mendatang.

Dari segi kesihatan, tiada dos radiasi boleh dianggap selamat. Kajian oleh Akademi Sains Kebangsaan Amerika Syarikat (AS) menunjukkan bahawa

walaupun pendedahan pada tahap rendah, ia tetap meningkatkan risiko kanser. Oleh itu, hujah bahawa paras radiasi yang “dibenarkan” adalah selamat tidak boleh diterima kerana ia masih meletakkan rakyat kepada risiko.

Selain itu, lokasi kilang Lynas di Gebeng yang dibina di kawasan paya gambut yang mudah banjir memperbesar ancaman. Sisa radioaktif disimpan dalam kolam terbuka dan berisiko melimpah ke laut semasa musim monsun. Laporan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Australia, Aid/Watch, mengesahkan terdapat pencemaran air di estuari dan kawasan pantai Kuantan, di mana masyarakat setempat masih menangkap ikan dan kanak-kanak bermain.

Lebih membimbangkan, sehingga kini Lynas masih gagal menyediakan PDF yang berfungsi. Timbunan sisa radioaktif di Gebeng terus bertambah sehingga mencecah lebih 1.2 juta tan. Malah, cadangan Lynas untuk mengitar semula sisa ini sebagai baja yang dinamakan *Condisoil* menimbulkan ancaman baharu terhadap

sektor pertanian negara kerana boleh menjejaskan reputasi eksport kelapa sawit dan hasil pertanian lain.

Keputusan kerajaan untuk melanjutkan lesen Lynas bagi tempoh tiga tahun lagi jelas menunjukkan kompromi yang merugikan rakyat. Walaupun syarat dikenakan agar aktiviti C&L dipindahkan ke Australia, operasi Lynas secara keseluruhannya masih diteruskan. Hal ini mencerminkan ketidakselarasan dasar kerana prinsip kesihatan awam sepatutnya mengatasi kepentingan pelaburan asing.

Malaysia pernah mengalami tragedi besar melalui kes *Asian Rare Earth* (ARE) di Bukit Merah, Ipoh, yang menyebabkan pencemaran radioaktif dan memerlukan ratusan juta ringgit untuk kerja pembersihan. Sejarah hitam ini seharusnya dijadikan teladan agar kerajaan tidak lagi membiarkan rakyat menanggung risiko sama.

Oleh itu, kerajaan mesti berani mengambil langkah tegas untuk tidak lagi menyambung lesen Lynas selepas Mac 2026. Sebaliknya, syarikat ini perlu diarahkan supaya memulangkan semua sisa radioaktif ke Australia mengikut janji asal. Kita juga menunggu keputusan Mahkamah Rayuan pada 11 Oktober depan ke atas permohonan SAM yang mahukan PDF tidak dibenarkan wujud di Malaysia dan semua sisa radioaktif dihantar ke Australia.

Kerajaan juga tidak boleh membenarkan operasi baharu Lynas di Pahang atau Kelantan diteruskan. Projek rantaian bekalan nadir bumi di Kelantan serta cadangan membina kilang magnet di Kuantan hanyalah bentuk normalisasi baharu yang akan mengikat Malaysia lebih lama dengan industri pencemar ini.

Malaysia tidak boleh terus menjadi tapak pelupusan sisa radioaktif dunia. Demi generasi masa depan, kesihatan rakyat dan kelestarian alam mesti diutamakan berbanding kepentingan korporat asing.

PENULIS ialah Ts. Dr. Mohamed Zul Fadhl Khairuddin adalah Dekan Institute of Medical Science Technology di Universiti Kuala Lumpur (UnikL MESTECH).

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM